JILID 1

DR 13 TAHUN 2021

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS

PENGGAL KEEMPAT

LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN, SAINS DAN INOVASI

DIKEMASKINI

1 AHLI-AHLI JKPK DAN WAKIL TETAP KERAJAAN (EX-OFFICIO)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen
Ahli Parlimen Bandar Kuching (Pengerusi)

Yang Berhormat Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa
Ahli Parlimen Sipitang

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim
Ahli Parlimen Baling

Yang Berhormat Tuan Lukanisman bin Awang Sauni
Ahli Parlimen Sibuti

Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar bin Raden
Ahli Parlimen Kinabatangan

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
Ahli Parlimen Dungun

Yang Berhormat Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam
Ahli Parlimen Kuala Langat

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar
Menteri Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah

YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah
Ketua Setiausaha

YBrs. Encik Thean Ming Fatt (*Ex-Officio*)
Setiausaha Bahagian (Bahagian Khidmat Pengurusan)

YBrs. Datuk Dr. Norhayati Rusli
Pengarah (Bahagian Kawalan Penyakit)

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

YBrs. Dr. Nagulendran A/L Kangayatkarasu
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan STI)

YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains

YBrs. Prof. Madya Dr. Chan Chee Seng
SUB Data Strategik dan *Foresight* Teknologi

YBrs. Prof. Dr. Shamala Devi A/P K.C. Sekaran
Felo Akademi Sains Malaysia

YBrs. Dr. Nor Azfa Johari
Pemangku Pengarah Institut Genom Malaysia

Puan Ruziah binti Shafei
SUB Perancangan Strategik

Puan Nordina binti Idris
SUB Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T

Puan Nor Azlina binti Ahmad Zaini
Pegawai Kewangan CITF

Encik Gobinath a/l Muniandy
Pegawai Penyelaras Parlimen MOSTI

Cik Hasniza binti Mohd Hadzir
Pegawai Penyelaras Parlimen MOSTI

Encik Lim Ying Sean
Pegawai Teknikal MIMOS

KUMPULAN PAKAR PENASIHAT KESIHATAN DAN SAINS COVID-19 (EAG)

YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman
Pengerusi
Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG)

YBrs. Prof. Dr. Rosmawati Mohamed
Akademik Perubatan Malaysia

YBrs. Prof. Dr. Roslina Abdul Manap
Akademik Perubatan Malaysia

Prof. Datuk Dr. Lokman Hakim
Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG)

Prof. Dato' Adeeba Kamarulzaman
Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG)

YBrs. Asst. Prof. Dr. Mohammad Farhan Rosli
Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

Encik Hamzah Ishak
Timbalan Ketua Pengarah

Pn Zetty Noor Akmar binti Abd Majis
Pengarah
(Bahagian Perisikan dan Pengurusan Krisis Negara)

PARLIMEN MALAYSIA

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin
Setiausaha Dewan Rakyat

Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Mohd Sukri bin Busro
Penolong Setiausaha Bahagian Dewan Rakyat

Jackie Mary Fernandis
Penasihat undang-undang

Nurrul Saffida binti Kusaini
Pegawai penyelidik

Rozana Abdullah
Pegawai penyelidik

Sayani binti Umar
Pegawai penyelidik

Amirul Ashyraaf bin Zulkifle
Penolong Setiausaha JKPK

2 KANDUNGAN

1. AHLI-AHLI JKPK DAN WAKIL TETAP KERAJAAN (*EX-OFFICIO*) i

2. KANDUNGAN…….....……iv

2.1 OBJEKTIF 1

2.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.1 1

2.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.2..... 1

2.1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.3 2

2.1.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.4 2

2.1.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.5 2

2.1.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.6 2

2.2 SKOP DAN METODOLOGI 3

2.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.1 3

2.2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.2 3

2.2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.3 3

2.2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.4 3

2.2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.5 4

2.2.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.6 4

3. LATAR BELAKANG 4

4. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN 5

4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.1 5

4.1.1 Pembentangan dan Perbincangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia 5

4.1.2 Perbincangan dan Pembentangan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. 8

4.1.3 Perkara-perkara lain yang dibincangkan dan dibangkitkan oleh Ahli Jawatankuasa. ... 12

4.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.2 12

4.2.1 Pembentangan dan perbincangan oleh Pengerusi Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG), YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman dan YBhg. Profesor Dr. Rosmawati Mohamed. 12

4.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.3 15

4.3.1 Enam teras utama sasaran 100 hari Kementerian Kesihatan Malaysia. 15

4.3.2 Situasi terkini COVID-19 dan perkembangan semasa pandemik COVID-19. 16

4.3.3 Perkembangan program imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). 17

4.3.4 Pelan tindakan, COVIDnow dan penambahbaikan MySejahtera..... 18

4.3.5 Belanjawan 2021 untuk COVID-19. 20

4.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.4 20

4.4.1 Pembentangan oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Dr. Abu Bakar Suleiman, Pengerusi Kumpulan

Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG) dan YBrs. Prof. Dr. Rosmawati Mohamed, wakil Akademik Perubatan Malaysia……20
4.4.2 Perkongsian pengalaman pengurusan COVID-19 di India…….…..23
4.4.3 Menjawab kepada pertanyaan:…….23
4.4.4 Cadangan Ahli Mesyuarat:…….25
4.4.5 Cadangan AEG kepada Jawatankuasa……..…….25

4.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.5…….……27
4.5.1 Memperkasakan Sistem Perkhidmatan Kesihatan Awam…….……...28
4.5.2 Strategi Pengujian Kebangsaan…….……..29
4.5.3 Vaksinasi berterusan……..…….30
4.5.4 Peralihan fasa pandemik ke fasa endemik…….…….31

4.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.6…….……32
4.6.1 Pembentangan dan Perbincangan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi...32

RUMUSAN……...……...…….....33

SYOR…….....…34

GLOSARI

GAMBAR MESYUARAT

L**AMPIRAN**

2.1 OBJEKTIF

COVID-19 di Malaysia dijangka memasuki fasa endemik mulai akhir Oktober 2021, apabila kadar imuniti kelompok negara mencapai 80 peratus. Sehingga kini Wilayah Persekutuan Labuan dan negeri Sarawak sudah mencapai fasa endemik, selaras dengan negara lain yang kebanyakannya sudah beralih ke fasa endemik dan pengenalan kepada norma baharu untuk hidup dengan lebih sihat serta selamat. Sehubungan dengan itu Malaysia perlu membuat persediaan sewajarnya agar pelbagai sektor dalam negara boleh dibuka semula dan kehidupan penduduk Malaysia kembali berfungsi seperti sedia kala dalam norma baharu semasa dan selepas transisi pandemik COVID-19 kepada endemik COVID-19.

Selaras dengan kuasa memanggil yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi telah memanggil Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Majlis Keselamatan Negara dan Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG), bertujuan untuk mendengar dan berbincang mengenai beberapa isu berkaitan situasi penularan COVID-19 di dalam negara. Secara khususnya, objektif bagi setiap mesyuarat adalah seperti berikut:

2.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.1

Objektif Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 1 Tahun 2021 bertujuan untuk mendengar perkembangan semasa tentang isu penularan virus COVID-19 dalam negara yang semakin membimbangkan oleh KKM. Mesyuarat juga bertujuan untuk membincangkan pelan-pelan yang telah dilaksanakan dan persiapan awal KKM dalam menghadapi peningkatan penularan virus COVID-19 di negara ini.

2.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.2

Objektif Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 2 Tahun 2021 ini diadakan sebagai mesyuarat susulan daripada mesyuarat pertama pada 23 Julai 2021. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan isu berkaitan

dengan penularan virus COVID-19 dalam negara dan perkembangan program - program pemulihan yang telah dilaksanakan. Mesyuarat turut mendengar penerangan daripada EAG mengenai isu yang dibincangkan.

2.1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.3

Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bilangan 3 Tahun 2021 telah memanggil KKM bagi pembentangan mengenai perkembangan semasa perkhidmatan kesihatan dan pengurusan pandemik COVID-19. Antara perkara yang turut dibincangkan adalah pelan perancangan dan perlaksanaan penambahbaikan aplikasi MySejahtera.

2.1.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.4

Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 4 Tahun 2021 ini diadakan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan, sains dan inovasi. Objektif mesyuarat ini adalah untuk mendengar dan berkongsi hasil kajian dan cadangan oleh EAG.

2.1.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.5

Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bilangan 5 Tahun 2021 telah memanggil KKM dan EAG. KKM dipanggil bagi memberikan pembentangan dan seterusnya penerangan kepada Jawatankuasa mengenai perkembangan dan perancangan transisi ke arah endemik. Manakala EAG adalah untuk membentangkan cadangan di hadapan KKM diikuti sesi perbincangan.

2.1.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.6

Skop Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bilangan 6 Tahun 2021 meliputi penerangan tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh MOSTI, khususnya melalui agensi iaitu *Malaysian Institute of Microelectronic Systems (*MIMOS) Berhad tentang fasa peralihan kepada endemik dengan beberapa kaedah teknologi seperti *contact tracing* dan MySejahtera.

2.2 SKOP DAN METODOLOGI

2.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.1

Skop mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 1 meliputi hal-hal yang berkaitan dengan penularan virus COVID-19 semasa gelombang ketiga sehingga 22 Julai 2021, trend dan kluster mengikut kategori pesakit COVID-19, status kapasiti hospital swasta yang sedang merawat pesakit COVID-19, data aplikasi MySejahtera, klasifikasi virus COVID-19, jangkitan COVID-19 kepada petugas KKM yang telah mengambil vaksin, analisis situasi COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan, Pelan Pemulihan Negara dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

2.2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.2

Skop mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 2 ini menjurus kepada isu-isu intervensi kecemasan menjelang gelombang ke-empat COVID-19, pendigitalan sepenuhnya melalui FTTIS (*Find-Test-Trace-Isolate-Support*), vaksin dan program vaksinasi serta pelan atau program memperkasakan pengurusan tenaga kerja COVID-19 (*frontliners*).

2.2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.3

Skop perbincangan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 3 ini meliputi isu-isu perkembangan semasa pandemik COVID-19, Perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), aplikasi MySejahtera dan perkembangan serta pelan rancangan kepada kapasiti kesihatan.

2.2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.4

Skop mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 4 meliputi pembentangan dan perbincangan fasa peralihan pandemik kepada

endemik dan pembangunan aplikasi MySejahtera. Mesyuarat merupakan perbincangan susulan daripada mesyuarat Bilangan 2 yang turut menjemput EAG.

2.2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.5

Skop mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi Bilangan 5 meliputi pembentangan dan perbincangan berkaitan fasa peralihan pandemik kepada endemik dan pembangunan aplikasi MySejahtera. Mesyuarat ini merupakan perbincangan susulan daripada mesyuarat bilangan 4 yang turut menjemput EAG.

2.2.6 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.6

Skop mesyuarat meliputi penerangan dan menjawab kepada beberapa soalan yang diutarakan oleh Pihak EAG dalam mesyuarat sebelumnya. Perbincangan seterusnya berbincang mengenai penyediaan laporan Jawatankuasa.

3 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Teknologi dan Inovasi diadakan untuk membincangkan isu-isu berkaitan COVID-19 di Malaysia yang terdiri daripada beberapa perkara:

i. Status terkini kes penularan dan pengurusan COVID-19 dalam negara.

ii. Perkembangan program vaksinasi negara.

iii. Perancangan dan strategi untuk transisi kepada endemik COVID-19.

4 PERBINCANGAN DAN PENEMUAN

4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.1

4.1.1 Pembentangan dan Perbincangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

1. Jumlah kes dan kadar insiden kes COVID-19 bagi setiap 100,000 penduduk di Malaysia berdasarkan minggu epid semasa bagi gelombang ketiga minggu epid ke-39 tahun 2020 sehingga minggu epid ke-29 tahun 2021 iaitu sehingga 22 Julai 2021 didapati meningkat.

2. Sehingga 22 Julai 2021 sebanyak 13,034 kes telah dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan ialah sebanyak 964,918 kes.

3. Kes baharu yang dilaporkan dibahagikan mengikut kategori iaitu berdasarkan keadaan klinikal pesakit semasa baharu didiagnosis COVID-19. Terdapat kes di mana pesakit kekal dikategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan.

4. Pada 22 Julai 2021, 55.08 peratus kes iaitu sejumlah 7,719 kes dilaporkan adalah dari kategori 1, diikuti dengan 4.32 peratus daripada kategori 2 iaitu sebanyak 5,646 kes, 0.94 peratus dilaporkan daripada kategori 3 iaitu sebanyak 124 kes, kategori 4 sebanyak 72 kes dan kategori 5 sebanyak 13 kes.

5. Laporan kadar penggunaan katil dan kadar penggunaan katil guna semula di Pusat Unit Kawalan Rapi (ICU) yang diperuntukkan untuk COVID-19 sehingga 22 Julai 2021 adalah tinggi iaitu sebanyak 100 peratus.

6. Turut dilaporkan, sehingga 22 Julai 2021, status kapasiti hospital swasta yang sedang merawat pesakit COVID-19 adalah:

    i. Penggunaan katil wad yang khusus untuk COVID-19 adalah 913 iaitu 71 peratus.

    ii. Penggunaan katil ICU yang khas untuk COVID-19 adalah sebanyak 99 peratus.

Kesimpulannya, bilangan pesakit adalah melebihi katil yang dikhususkan oleh hospital tersebut.

Sebanyak 112 hospital swasta telah bersetuju untuk menyediakan rawatan COVID-19. Jumlah ini termasuk sebuah hospital pakar wanita dan kanak-kanak yang merawat pesakit pediatrik COVID-19 dan dua buah hospital pakar kardiologi.

Tenaga kerja perubatan tambahan

1. Pengambilan tenaga kerja tambahan daripada kalangan pelajar-pelajar sarjana perubatan dan pelajar praktikal perubatan serta pengambilan kakitangan di bahagian-bahagian perubatan yang tidak/kurang aktif.

Kluster-kluster jangkitan

1. Dari tempoh 25 Januari 2020 sehingga 22 Julai 2021, kluster jangkitan yang tertinggi adalah daripada kluster tempat kerja dengan 53,574 kes jangkitan dilaporkan pada tahun 2020, manakala 149,012 kes dilaporkan pada tahun sehingga 22 Julai 2021.
2. Kluster pendidikan juga meningkat dengan ketara, sebanyak 785 kes dilaporkan pada tahun 2020 (dari Januari 2020). Manakala pada tahun 2021 (sehingga 22 Julai 2020) sebanyak 46,928 kes dilaporkan. Kluster pendidikan adalah termasuk KPM, bukan KPM dan institusi latihan.
3. Terdapat penurunan kes bagi kluster import bagi tahun 2020 (dari 25 Januari 2020) iaitu sebanyak 2000 kes kepada 103 kes sahaja dilaporkan bagi tahun 2021 (sehingga 22 Julai 2021).

Varian Delta

1. Varian Delta boleh merebak melalui *air-borne* (udara). Seseorang yang

dijangkiti varian Delta boleh menjangkiti 5 hingga ke 8 orang di sekitarnya berbanding dengan rengangan asal.

Kadar insiden kes berdasarkan data umur

1. Kadar insiden kes COVID-19 di Malaysia bagi setiap 100,000 penduduk yang berumur diantara 20 ke 59 adalah tinggi. Pembahagian kes berdasarkan umur adalah seperti berikut:

    i. Umur 20-29: 214,882 kes.

    ii. Umur 30-39: 241,184 kes.

    iii. Umur 40-49: 109,881 kes.

    iv. Umur 50-59: 75,346 kes.

Kadar jangkitan petugas-petugas KKM

1. Jangkitan COVID-19 kepada petugas KKM yang telah mengambil 2 dos vaksin atau telah lengkap vaksin masih boleh berlaku. Namun begitu, kadar jangkitan adalah rendah. Dilaporkan pada 24 Februari 2021 sehingga 22 Julai 2021, 1.59 peratus petugas KKM yang dijangkiti COVID-19 menunjukan gejala ringan atau tidak bergejala.

Analisis situasi COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan

2. Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan sebanyak 7,496 kes dari 1 Januari 2021 sehingga 22 Julai 2021. Peningkatan kes jangkitan ini adalah berikutan dengan jangkitan COVID-19 varian Delta semasa penerbangan dari KLIA ke Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Laporan harian Program Suntikan Vaksin Wilayah Persekutuan Labuan yang bermula pada 22 Julai 2021 adalah sebanyak 114,323. Ini merangkumi 10.9 peratus bukan warganegara dan sebanyak 82.3 peratus

adalah warganegara. Menurut data, terdapat penurunan kes dari 1 Jun 2021 sehingga 21 Jun 2021.

4. Jangkitan pertama varian Delta adalah dari kes import yang tiba di Labuan pada 23 April 2021. Penularan tersebut berlaku semasa bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Tindakan kerajaan melalui perancangan terancang dan kawalan sistematik didapati berjaya mengawal peningkatan.

<u>Pelan Pemulihan Negara</u>

1. Pelan Pemulihan Negara terbahagi kepada 4 fasa yang bermula dari bulan Jun sehingga Disember 2021 iaitu:

    i. Fasa 1 (bulan Jun): mengadakan PKP secara menyeluruh, hanya perkhidmatan yang perlu sahaja dibuka.

    ii. Fasa 2 (bulan Julai sehingga akhir Ogos): terdapat peningkatan senarai positif dan sektor sosial kekal ditutup.

    iii. Fasa 3 (bulan September sehingga akhir Oktober): pelan pendekatan kepada senarai negatif dan sektor sosial dibuka secara berperingkat.

    iv. Fasa 4 (bulan November sehingga Disember): pembukaan penuh termasuk sektor sosial.

4.1.2 Perbincangan dan Pembentangan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

1. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) telah diluluskan pada 14 Oktober 2020. Fungsi jawatankuasa adalah seperti berikut:

    i. Memastikan bekalan vaksin cepat, selamat dan lengkap.

ii. Memantau pengurusan logistik.

iii. Mengkoordinasikan gerak kerja antara negeri dan agensi.

iv. Mempunyai pasukan yang dipanggil Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF).

v. Membantu KKM untuk memberi tumpuan kepada perkhidmatan berkaitan kesihatan yang berhubungkait dengan virus COVID-19.

2. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mempunyai empat objektif utama iaitu:

i. Melindungi petugas barisan hadapan daripada jangkitan COVID-19 dan sistem kesihatan negara di tahap optimum.

ii. Melindungi kumpulan risiko tinggi daripada morbiditi dan kematian disebabkan jangkitan virus COVID-19.

iii. Mencapai sasaran imuniti 80 peratus daripda populasi negara khusus untuk memulihkan sektor ekonomi dan sosial.

iv. Menguruskan kawasan pandemik berisiko tinggi bagi meminimumkan kadar penularan jangkitan COVID-19 dalam masyarakat.

<u>Vaksinasi dan fasa vaksinasi</u>

1. Menyasarkan 80 peratus populasi Malaysia iaitu 26.3 juta daripada 32.7 juta divaksinasi dalam tempoh setahun. Vaksinasi ini dilakukan melalui empat fasa.

i. Fasa 1: Vaksinasi Petugas Barisan Hadapan. Tempoh yang disasarkan ialah dua ke empat bulan, iaitu dari bulan Februari hingga Mei 2021.

ii. Fasa 2: Kumpulan Berisiko Tinggi. Tempoh yang disasarkan

adalah tiga ke lima bulan iaitu dari bulan April hingga Ogos 2021.

iii. Fasa 3: Golongan Dewasa. Tempoh yang disasarkan adalah enam ke sembilan bulan, iaitu dari bulan Jun hinggga Disember 2021.

iv. Fasa 4: Pengurusan Wabak. Tiada had masa yang dinyatakan.

2. Sehingga 21 Julai 2021, jumlah dos yang telah diberikan kepada penduduk adalah 15,517,866. Jumlah ini merangkumi dos pertama dan dos kedua. Dos pertama sebanyak 10,584,885 dan dos kedua sebanyak 4,932,981.

3. Jumlah populasi yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos meningkat sebanyak 199.5 peratus daripda 1,927,861 pada bulan Mei 2021 kepada 5,774,667 pada akhir bulan Jun 2021. Manakala jumlah populasi penduduk yang telah menerima vaksin sepenuhnya atau dua dos meningkat daripda 1,080,568 pada Mei 2021 kepada 2,309,018 pada akhir bulan Jun 2021.

4. Peningkatan keupayaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) adalah antara faktor peningkatan jumlah pemberian vaksin. Faktor ini meningkatkan keupayaan untuk memberi lebih daripada 500,000 dos vaksin sehari. Sebanyak 2,204 PPV aktif beroperasi. Senarai PPV adalah seperti dibawah:

i. 300 buah PPV Awam.

ii. 5 buah PPV AZ.

iii. 33 buah PPV Integrasi.

iv. 23 buah PPV IPT.

v. 5 buah Industrial PPV.

vi. 1,374 buah *General Practitioner and Specialist Clinic* PPV.

vii. 153 buah *Private Hospital* PPV dan *Ambulatory* PPV.

viii. 279 buah Klinik Kesihatan dan *Special* PPV.

5. Vaksin di bawah pemantauan PICK dan sasaran liputan populasi penduduk adalah seperti berikut:

   i. COVAX Facility (Astrazeneca) kepada 3.2 juta penduduk.

   ii. Pfizer dan BioNTech (BNT162b2) kepada 22.4 juta penduduk.

   iii. Astrazeneca / University of Oxford (AZD1222) kepada 3.2 juta penduduk.

   iv. Sinovac Biotech Ltd/Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd (Coronavac) kepada 6.2 juta penduduk.

   v. CanSino Biologics Inc (AD5-nCOV) kepada 3.5 juta penduduk.

   vi. Gameleya (Sputnik V) kepada 3.2 juta penduduk. Perolehan vaksin ini adalah tertakluk kepada kelulusan pendaftaran vaksin yang diterima daripada NPRA dan PBKD.

6. Sehingga 21 Julai 2021, bekalan vaksin yang ada adalah sebanyak 18,900,559 dan jumlah vaksinasi adalah sebanyak 15,517,866. Masih terdapat vaksin-vaksin yang belum lengkap diterima, senarainya adalah seperti dibawah:

   i. AstraZeneca (AZD1222) sebanyak 7,722,300 masih belum diterima daripada 9,200,00 yang akan dihantar.

   ii. Pfizer (Cominarty) sebanyak 38,572,560 masih belum diterima daripada 45,799, 650 yang akan dihantar.

   iii. Sinovac (CoronaVac) sebanyak 3,048,640 masih belum diterima daripada 15,900,00 yang akan dihantar.

4.1.3 Perkara-perkara lain yang dibincangkan dan dibangkitkan oleh Ahli Jawatankuasa.

i. Pembahagian dan kos bagi menyediakan Pusat PPV.

ii. Meningkatkan kapasiti PPV di Lembah Klang kepada 272,000 sehari, jumlah terkini adalah 163,000 sahaja.

iii. Mencapai imuniti 80 peratus populasi dewasa lebih awal bagi kawasan wabak dan industri. Menyasarkan Wilayah Persekutuan Labuan pada Julai 2021, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sarawak pada Ogos 2021 dan pantai timur bermula Oktober 2021.

iv. Semua populasi dewasa disasarkan selesai menerima lengkap 2 dos vaksin mulai Oktober hingga November 2021.

v. Penduduk yang tidak mempunyai MySejahtera boleh *walk-in* dan mendaftar secara manual di pusat vaksin.

vi. Penyelarasan vaksinasi di negeri-negeri perlu lebih jelas dan data perlu dikeluarkan.

vii. Bagi pemberian dos pertama kepada masyarakat adalah lebih mudah untuk dilakukan, namun terdapat kekangan untuk dos kedua, iaitu penerima dos pertama perlu untuk hadir sendiri untuk menerima dos kedua.

4.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.2

4.2.1 Pembentangan dan perbincangan oleh Pengerusi Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG), YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman dan YBhg. Profesor Dr. Rosmawati Mohamed.

1. Pada 8 Februari 2021, sebuah Kumpulan Pakar EAG Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG), yang dianggotai oleh enam orang

wakil dari perubatan telah dilantik untuk melengkapkan proses penetapan strategi dan operasi Kementerian Kesihatan bagi pengurusan COVID-19 di Malaysia seperti berikut:

i. Tan Sri Dato' Dr Abu Bakar Suleiman (Pengerusi).

ii. Profesor Dr. Rosmawati Mohamed.

iii. Datuk Dr. Kuljit Singh.

iv. Dato’ Dr. Fadzilah Kamaludin.

v. Datuk Dr. Christopher Lee.

vi. Dr. Mary Cardosa.

2. EAG berperanan dan disokong sepenuhnya oleh rangkaian Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) membantu penetapan strategi dan operasi KKM dalam aspek seperti:

i. Perkongsian awam-swasta (penjagaan berasaskan hospital).

ii. Perkongsian awam-swasta (penyedia penjagaan primer).

iii. Kesihatan awam (Cari, Uji, Jejak, Isolasi dan Sistem Sokongan) (*Find-Test-Trace-Isolate-Support*) atau FTTIS.

iv. Data dan teknologi.

v. Vaksin.

vi. Komunikasi Strategik.

vii. COVID-19 *frontliners* dan Kesejahteraan Pekerja Penjagaan Kesihatan.

3. Perkara yang telah diangkat kepada YAB Perdana Menteri adalah:

i. Campur tangan kecemasan (21 April 2021).

ii. Gabungan alat ramalan risiko di semua tahap respons COVID-

19.

iii. Kajian respons pandemik dari aspek tindakan segera dan pilihan raya yang selamat (15 Jun 2021).

iv. Kajian dan cadangan EAG.

4. EAG berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk memberikan perhatiankepada isu-isu seperti berikut:

i. Respon kepada pandemik berdasarkan bukti, telus dan inklusif.

ii. Pengurusan penularan COVID-19 berpandukan pelan tindakan/strategi pemulihan. Merujuk kepada *Strategic Preparedness and Response Plan* oleh *World Health Organization* (WHO) 2021 untuk COVID-19, EAG telah menetapkan tindakan utama yang diperlukan. Antara isu yang memerlukan perhatian segera adalah penghantaran vaksin COVID-19, langkah-langkah keselamatan bagi yang terdedah melalui vaksinasi dan mengurangkan risiko kematian daripada semua punca.

5. Menurut kajian EAG, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh negara dalam proses pemulihan ini iaitu:

i. Strategi pengujian semasa tidak mencukupi untuk pengawasan komprehensif dan pemetaan penyebaran COVID-19 di Malaysia.

ii. Jejak kontak manual - kaedah yang digunakan ketika ini mengunakan tenaga kerja yang ramai dan ia memerlukan masa yang panjang untuk memperolehi maklumat.

iii. Kawasan risiko tidak divisualisasikan dengan baik dan tidak mempunyai pengkhususan.

4.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.3

4.3.1 Enam teras utama sasaran 100 hari Kementerian Kesihatan Malaysia.

1. Sasaran 100 hari Jemaah Menteri mengandungi 6 teras utama iaitu menstruktur semula ekonomi, menjamin keselamatan dan ketenteraman negara, meningkatkan kesejahteraan sosial, mempertingkatkan infrastruktur menyeluruh, memperkukuhkan penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia.

2. Usaha membendung penularan jangkitan virus COVID-19 diperkasakan dengan pelbagai inisiatif dan strategi berterusan. Tindakan ini menjadi keutamaan KKM dalam perkhidmatan kesihatan serta pengurusan COVID-19. Strategi dan inisiatif tersebut adalah seperti dibawah:

    i. Mencegah dan mengawal penyakit COVID-19.

    ii. Memantapkan polisi vaksinasi COVID-19 berkaitan dos penggalak (*booster*).

    iii. Meningkatkan literasi dan kesedaran kesihatan.

    iv. Meningkatkan perlindungan kesihatan bagi golongan rentan dan B40.

    v. Menangani isu kesihatan mental.

    vi. Menangani isu beban berganda tuna pemakanan.

    vii. Meningkatkan capaian kit ujian kendiri COVID-19.

    viii. Meningkatkan ketepatan dan perkongsian data kesihatan.

    ix. Meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan penjagaan kesihatan.

    x. Memperkasakan penyampaian perkhidmatan kesihatan berintensifkan teknologi digital.

xi. Memantapkan pengurusan sumber manusia untuk kesihatan.

xii. Memantapkan polisi rawatan berkaitan impak jangka panjang COVID-19.

4.3.2 Situasi terkini COVID-19 dan perkembangan semasa pandemik COVID-19.

1. Bagi kadar insiden kes COVID-19 di Malaysia bagi setiap 100,000 penduduk mengikut kumpulan umur, umur 20-29 tahun merupakan kumpulan umur yang paling tinggi kadar jangkitan, diikuti oleh kumpulan umur 30-39 tahun, 40-49 tahun dan 50-59 tahun.

2. Selangor merupakan negeri yang mempunyai kadar insiden kes COVID-19 tertinggi dengan kadar sebanyak 8,905 kes, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 8,633 kes.

3. Semua kes jangkitan adalah mengikut negeri dan jenis saringan. Negeri Sembilan melaporkan kes tertinggi sebanyak 22.03 peratus iaitu sebanyak 426 kes. Perlis merupakan negeri yang terendah dengan 0.05 peratus iaitu sebanyak 1 kes sahaja.

4. Kes baharu mengikut kategori keadaan kritikal dilaporkan di antara kes pesakit yang kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes di mana pesakit berubah status sama ada bertambah baik atau merosot ke kategori yang lebih tinggi. Kebanyakan kes adalah di antara mereka yang tidak mengambil suntikan vaksin COVID-19. Data bagi kategori ini diperolehi daripada laporan teknikal dan program indikator.

5. Sebanyak 307,000 pesakit menjalani pemantauan di rumah dan dirujuk ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) atau hospital sejak 4 Ogos 2021 hingga 4 September 2021. Bagi pesakit yang menjalani pemantauan di rumah, mereka akan dirujuk ke PKRC bagi

pesakit kategori 3 dan hospital bagi kategori 4 dan 5.

6. Kes-kes yang dilaporkan dalam tempat kerja dapat menular di kalangan kontak-kontak rapat dalam komuniti seperti ahli keluarga serta mereka yang tinggal di kawasan kediaman yang sama. Sebanyak 2,619 kluster tempat kerja telah dilaporkan dengan jumlah kes sebanyak 229,155 kes dan 1,349 kluster adalah melibatkan sektor pengilangan.

7. Pada 12 September 2021 telah dilaporkan kes Kluster Sawit Sarian yang melibatkan pekerja-pekerja di sebuah kilang pemprosesan minyak kelapa sawit di daerah Sarian, Sarawak. Kes ini bermula daripada seorang pekerja lelaki pada 11 Ogos 2021 hasil daripada saringan individu bergejala. Sehingga 12 September 2021, sebanyak 45 kes positif dikenalpasti, 23 kes adalah generasi pertama dan 21 adalah generasi kedua.

4.3.3 Perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

1. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan 1. Program vaksinasi remaja telah bermula di Sarawak bagi remaja berumur 16 hingga 17 tahun dan remaja berumur 12 hingga 15 tahun yang mempunyai komorbiditi.

2. Jangkitan positif COVID-19 di kalangan petugas KKM yang telah menerima vaksinasi lengkap adalah seramai 275,615 petugas. Bilangan kes COVID-19 dalam kalangan petugas kesihatan pada tahun 2020 ialah seramai 2,258 orang petugas dan bagi tahun 2021 seramai 21,153 orang.

3. Dos Penggalak (*booster*) diberi keutamaan kepada golongan yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 termasuk:

    i. Individu yang mempunyai daya imuniti yang lemah.

    ii. Orang dewasa yang berumur 60 tahun dan ke atas dan mempunyai masalah kesihatan.

iii. Individu yang tinggal serta berkerja di fasiliti penjagaan jangka panjang.

iv. Petugas-petugas kesihatan barisan hadapan yang berisiko tinggi terdedah kepada jangkitan.

v. Golongan seterusnya yang akan diberikan keutamaan adalah individu berumur 18 tahun dan kurang daripda 60 tahun serta mempunyai masalah kesihatan yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 semula.

vi. Petugas barisan hadapan.

4.3.4 Pelan tindakan, COVIDNOW dan penambahbaikan MySejahtera

1. Sistem ramalan awal bagi tindakan awalan di sesuatu lokasi titik panas melibatkan 4 peringkat iaitu:

   i. Pendaftaran masuk (*check-in*) individu positif COVID-19.

   ii. Pengesanan ke hadapan dan pengesanan ke belakang.

   iii. Mengenal pasti kontak rapat.

   iv. Amaran titik panas akan dikeluarkan. Kelewatan melakukan ujian akan memberikan kesan kepada sesuatu ID MySejahtera termasuk kelewatan pengenalpasti titik panas.

2. Pengesanan kontak rapat turut ditambahbaik dengan memperkasakan dengan penambahan bilangan petugas melalui mobilisasi daripada lain-lain agensi. Perkhidmatan "*Robocall*" turut diperluaskan ke negeri-negeri lain. Pengesanan kontak digital terkini mengunakan sistem teknologi *bluetooth*.

3. Inisiatif meningkatkan vaksinasi di kalangan pekerja kilang diperluaskan dengan menyediakan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN). Daripada jumlah yang telah mendaftar di bawah MySejahtera, sebilangan besar pekerja-pekerja kilang telah menerima vaksin iaitu sekitar 2.1 juta dos.

Namun masih terdapat pekerja-pekerja kilang bukan warga negara yang tidak mempunyai dokumen yang sah dan masih belum divaksinkan.

4. Bagi individu yang telah menerima dua dos atau dos lengkap, kadar kematian adalah 0.0096 peratus. Daripada 19,369 kes kematian semenjak 31 Mac 2021, 71.2 peratus kes kematian bagi mereka yang tidak divaksinkan telah dilaporkan, 3,937 kes kematian bagi mereka yang telah menerima dos pertama, 531 kes kematian bagi yang menerima dua dos suntikan vaksin dan sebanyak 1,112 kes bagi yang telah lengkap divaksinkan.

5. Bagi mendapat sokongan dan peyelarasan di peringkat kerajaan negeri, ianya dilakukan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah. Sokongan diperluaskan ke kerjasama awam-swasta dengan penggunaan perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan swasta melalui arahan Ordinan Darurat dan Sistem *Reimbursement.* Pengamal perubatan swasta disarankan untuk membantu menjalankan pemantauan status kesihatan harian kes COVID-19 sepanjang tempoh kuarantin.

6. Peralihan ke fasa endemik, usaha untuk melandaikan keluk COVID-19 perlu diperluaskan. Usaha ini merangkumi enam perkara seperti di bawah:

    i. Putuskan rantaian transmisi.

    ii. Mengurangkan morbiditi dan kematian.

    iii. Memperkukuhkan diagnostik dan survelan.

    iv. Mencapai imuniti meluas.

    v. Meningkatkan kesedaran dan pembudayaan norma baharu.

    vi. Memperkukuhkan sokongan kesihatan mental dan psikososial.

    vii. Memperkenalkan COVIDNOW sebagai pelaporan harian. COVIDNOW ini telah diperbaharui agar lebih tepat dan penambahbaikan pada proses pelaporan.

7. e-COVID akan ditambah baik dengan input data pesakit dimasukkan ke e-COVID semasa interaksi pertama oleh individu disyaki COVID-19 di CAC, Klinik Kesihatan, klinik swasta dan sebagainya. Pengesahan maklumat pesakit akan dibuat sebelum ujian dihantar. Apabila keputusan ujian dimuatnaik ke sistem e-COVID, ia akan terus dipadankan dengan kes yang disaring. Kesimpulannya, sistem ini ditambahbaik agar lebih mesra pengguna.

4.3.5 Belanjawan 2021 untuk COVID-19.

1. Peruntukan pembangunan KKM berkaitan COVID-19 ialah sebanyak RM362,627,369.00 bagi tahun 2020 dan RM332,269,154.00 bagi tahun 2021. Bagi tahun 2021, peruntukan pembangunan KKM ini sehingga September 2021 sahaja. Perbelanjaan ini melibatkan naik taraf, ubah suai dan penambahbaikan fasiliti kesihatan, perbelanjaan mendapatkan peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan dan kenderaan.

4.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.4

4.4.1 Pembentangan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman, Pengerusi Kumpulan Pakar Penasihat Kesihatan dan Sains COVID-19 (EAG) dan YBrs. Prof. Dr. Rosmawati Mohamed, wakil Akademik Perubatan Malaysia.

1. YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman, Pengerusi EAG menekankan perkara berkaitan dengan kesiapsiagaan Malaysia dalam proses peralihan daripada fasa pandemik kepada endemik dan manfaat digitalisasi khususnya penambahbaikan aplikasi MySejahtera.

2. YBrs. Prof. Dr. Rosmawati Mohamed, wakil Akademi Perubatan Malaysia melalui pembentangan beliau membangkitkan beberapa perkara berkaitan seperti berikut:

i. Dapatan data dan kajian punca kematian iaitu jumlah kematian yang disahkan mungkin bukan jumlah yang tepat dari jumlah kematian sebenar disebabkan oleh virus COVID-19.

ii. Majoriti kes dan kematian COVID-19 baru di Malaysia adalah *sporadic* dan tidak berkaitan dengan kes atau kelompok yang sedia ada. Penularan virus COVID-19 adalah dalam komuniti termasuk di kompleks membeli-belah, tempat kerja dan sebagainya. Jumlah kes seperti ini adalah tinggi dari 30 Mei 2021 hingga 5 Jun 2021, jumlah ini merangkumi 52,040 kes atau 84.3 peratus daripada jumlah kes baru yang dilaporkan. Daripada 641 kematian pada minggu tersebut, 559 jangkitan tidak berkaitan dengan kes sebelumnya.

iii. Merujuk kepada Carta *COVID-19 Deaths and* BID-2021 (Selangor), jumlah kematian di Selangor adalah 7,453 kes. Peratusan *Brought-in-Dead* (BID) dari keseluruhan kematian di Selangor adalah 18.9 peratus.

iv. Peratusan kematian BID tersebut berdasarkan status COVID-19 sebelum dan selepas kematian adalah 64 peratus selepas kematian dan 36 peratus sebelum kematian. Majoriti 64 peratus BID tidak didiagnosis dengan COVID-19 sebelum kematian, walaupun 89 peratus mempunyai gejala.

v. Sarawak dan Pulau Pinang merekodkan kes tertinggi, masing-masing sebanyak 17.7 peratus dan 13.8 peratus kes. Manakala bagi kes kematian bagi setiap 100,000 orang, Pulau Pinang dan Johor adalah antara negeri yang mempunyai rekod kematian yang tinggi.

vi. Epidemiologi adalah bersifat dinamik, terutama apabila ia didorong oleh tindak balas kesihatan awam yang berubah-ubah.

vii. Langkah-langkah kesihatan awam dan sosial perlu menitik

beratkan perkara-perkara seperti berikut:

a. Berdasarkan risiko;

b. Kajian berkala kecerdasan kesihatan awam;

c. Waktu yang tepat;

d. Komunikasi secara berkesan; dan

e. Aktif dengan langkah-langkah yang disasarkan untuk memperbaiki kesan sosioekonomi.

viii. Laporan mengenai keupayaan Malaysia untuk IHR menerusi *The Joint External Evaluation* (JEE) mencadangkan agar diberi perhatian utama. Antara penekanan yang disarankan adalah seperti berikut:

a. Meningkatkan lagi koordinasi untuk memastikan pelaksanaan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas di pelbagai peringkat.

b. Meningkatkan lagi MyCPRC dilengkapi dengan keupayaan untuk ramalan dan memberikan pandangan mengenai kejadian penyakit.

c. Mengautomasikan perkongsian data antara sistem berasaskan petunjuk (eNotification) dan (eWabak) dan mempertimbangkan pemakluman keputusan kajian makmal secara automatik.

d. Mengembangkan keupayaan sistem notifikasi elektronik KKM untuk membolehkan analisis data dan pelaporan secara automatik.

4.4.2 Perkongsian pengalaman pengurusan COVID-19 di India

1. WHO melaporkan bahawa Mumbai, India berdepan dengan gelombang kedua penularan dan jangkitan COVID-19 pada bulan Mac 2021. Mumbai mencatatkan kadar positif yang tinggi iaitu 20 - 24 peratus, peningkatan ini adalah dari 8 - 9 peratus pada bulan-bulan sebelumnya.

2. Dalam tempoh sebulan, Mumbai berjaya menurunkan kadar positif kepada 6 peratus pada 12 Mac 2021 menjadi 1.79 peratus sahaja pada minggu pertama bulan Julai. Pelbagai inisiatif dilaksanakan dan membolehkan Mumbai membendung lonjakan kadar jangkitan. Berikut adalah tindakan pantas yang dilaksanakan oleh Mumbai mendepani penularan tersebut:

    i. Tindak balas desentralisasi di lima pusat COVID-19 dan 69 pusat kesihatan yang dikursuskan untuk kes-kes berkaitan COVID-19.

    ii. Pengurusan sumber yang cekap dan pantas.

    iii. Memanfaatkan teknologi untuk penyebaran maklumat yang cepat dan pemantauan masa sebenar.

4.4.3 Menjawab kepada pertanyaan:

1. Pertanyaan Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen kepada EAG berkaitan dengan mekanisme yang diambil oleh India dalam mendepani penularan tersebut dan adakah ia sesuai dengan Situasi COVID-19 di Malaysia.
   Jawapan:

    i. Penyebaran maklumat COVID-19 yang dipandu oleh teknologi komunikasi.

    ii. Pemantauan 24 jam.

    iii. Keputusan ujian COVID-19 perlu dilaporkan termasuk keputusan ujian yang negatif bagi mendapatkan statistik penularan yang lebih tepat dan kadar penurunan atau kenaikan kadar penularan

jangkitan. Farmasi perlu melaporkan setiap keputusan kit Ujian Kendiri COVID-19 yang dilakukan.

iv. Pesakit dirawat segera.

2. Pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, Ahli Parlimen Dungun kepada ahli mesyuarat berkenaan laporan *World Bank* mengenai *Malaysia Digital Readiness* kepada EAG.
Jawapan:

i. Malaysia didapati tidak mengunakan sepenuhnya manfaat digitalisasi. Aplikasi MySejahtera dilihat sebagai ketinggalan dari aspek pembangunannya.

ii. Aplikasi pemantauan COVID-19 (MySejahtera) perlu ditambahbaik. Mengambil contoh Aplikasi Selangkah yang mempunyai ciri-ciri yang tidak ada pada Aplikasi MySejahtera.

iii. Aplikasi MySejatera telah ditambahbaik dengan beberapa ciri-ciri baharu seperti fungsi *check-out* (maklum balas daripada MOSTI).

iv. Pemilihan aplikasi MySejahtera adalah keputusan yang dibuat selaras dengan peruntukan undang-undang (maklum balas daripada MOSTI).

3. Pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli Ahli Parlimen Dungun berkaitan dengan program suntikan penggalak (*booster*) vaksin kepada ahli mesyuarat:
Jawapan:

i. Vaksin Penggalak (*booster*) menyasarkan golongan umur 50 ke atas, *frontliners* dan orang awam yang terpilih dan memerlukan suntikan tersebut sahaja.

4.4.4 Cadangan Ahli Mesyuarat:

1. Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen telah mencadangkan tiga perkara seperti dibawah:

    i. Aplikasi-aplikasi yang digunakan diperingkat tempatan dan kebangsaan diselaraskan agar ia tidak menimbulkan kekeliruan pada orang awam dan data-data berkaitan dapat dimanfaatkan bagi tujuan laporan dan kajian seterusnya.

    ii. *National* Tes*ting Plan:*

        a. Dasar-dasar yang berkaitan diselaraskan.

        b. Strategi di peringkat tempatan yang selaras (kit ujian kendiri COVID-19).

        c. Harga pasaran bagi kit ujian kendiri COVID-19 yang tidak membebankan orang awam dan mudah untuk didapati.

    Penglibatan pelbagai pihak dalam merangka dasar-dasar yang berkaitan.

2. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, Ahli Parlimen Baling mencadangkan agar agensi-agensi kerajaan bekerjasama dalam merangka dasar-dasar yang diperlukan.

4.4.5 Cadangan EAG kepada Jawatankuasa

EAG mencadangkan beberapa perkara perlu diberi penekanan dalam isu peralihan kepada fasa endemik iaitu:

1. Mengurangkan kes berpunca daripada *sporadic* dan kluster ke tahap yang dapat dikendalikan oleh sistem kesihatan berdasarkan kemampuan perawatan kesihatan penggunaan *Bed Occupancy Rate* (BOR) dan ICU.

2. Sistem kesihatan disediakan untuk membolehkan peralihan dan tenaga kerja

kesihatan awam dari peringkat mengesan dan merawat kes-kes yang serius mencukupi, tanpa mengira peringkat jangkitan dan sama ada terdapat penularan atau pengimportan tempatan.

3. Menyeragamkan dasar kebangsaan mengenai kit ujian kendiri COVID-19, antara perkara yang perlu ditambahbaik adalah seperti berikut:

    i. Ujian yang disasarkan menggunakan RTK-Ag (tanpa pengesahan PCR);

    ii. Mencapai kadar positif kes kurang daripada 5 peratus;

    iii. Pengesanan kontak dalam 24 jam;

    iv. Pengasingan kendiri segera untuk kontak rapat dengan arahan/SOP yang seragam; dan

    v. Sistem digital yang lengkap sebagai solusi sokongan dan bantuan kepada pelbagai agensi berkaitan.

    vi. Risiko wabak dalam pengaturan kerentanan tinggi dan tempat kerja perlu diminimumkan dengan langkah-langkah yang sesuai untuk memaksimumkan jarak fizikal dan meminimumkan risiko wabak baru. Usaha ini memerlukan semua pemacu utama dikenal pasti.

4. Memperkukuhkan kerjasama awam-swasta kesihatan.

    i. Sektor kesihatan swasta sama pentingnya dengan sektor kesihatan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada orang awam. Sektor kesihatan swasta terdiri daripada 7,571 buah klinik kesihatan am dan 200 hospital swasta dengan 14,799 katil.

    ii. Kerjasama awam-swasta berkaitan kesihatan diperlukan dalam inisiatif menyepadukan antara penjagaan kesihatan *primary*,

secondary dan *tertiary*. Kerjasama ini juga penting dalam meningkatkan pengurusan klinikal, sumber tenaga manusia untuk COVID-19 dan perkhidmatan kesihatan penting lain.

Melengkapkan usaha KKM dalam pengurusan & *Fully Digitise Find-Test-Trace-Isolate-Support* (FTTIS) COVID-19	**Pelancaran program vaksinasi**	**Sokongan kepada sistem kesihatan awam**
– Bidang tanggungjawab dan keperluan yang ditentukan. – Mekanisme pembayaran kos perubatan. – Pautan merentasi sempadan organisasi. – Inisiatif yang berpusat di peringkat tempatan berfokuskan koordinasi penjagaan.	– Integrasi program vaksinasi COVID-19 Klinik-klinik Perubatan Am (GP). – Sistem komunikasi yang diperbaiki terutamanya bagi mendepani isu maklumat palsu dan maklumat yang salah.	– Pengesanan awal dan pengurusan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). – Penjagaan bersepadu melalui digitalisasi.

4.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains Dan Inovasi Bil.5

1. YB Menteri Kesihatan Malaysia, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar, melalui pembentangan beliau menekankan empat perkara seperti berikut:

    i. Memperkasakan Sistem Perkhidmatan Kesihatan Awam.

    ii. Strategi Pengujian Kebangsaan.

    iii. Vaksinasi berterusan.

    iv. Peralihan fasa pandemik ke fasa endemik.

4.5.1 Memperkasakan Sistem Perkhidmatan Kesihatan Awam

1. Malaysia melaporkan kurang daripda 300 kes per 100,000 penduduk dalam masa 13 hingga 19 September 2021. Negara yang melaporkan kes jangkitan COVID-19 tertinggi ialah Amerika Syarikat, India, United Kingdom, Turki, Filipina.

2. Malaysia melaporkan kurang daripada 6 kes kematian per 100000 penduduk dalam tempoh 13 hingga 19 September 2021. Amerika Syarikat, Rusia, Brazil, Mexico dan Iran merupakan negara yang mencatatkan rekod kes kematian tertinggi.

3. Kes baharu di rantau *Western Pacific* menunjukkan negara Filipina mencatatkan sebanyak 129.1 kes per 100,000 penduduk, Malaysia mencatatkan kes sebanyak 378.1 kes baharu bagi per 100,000 penduduk dan Vietnam dengan 77.7 kes baharu per 100,000 penduduk. Walau bagaimanapun, Malaysia telah menunjukkan penurunan sebanyak 10 peratus berbanding dengan laporan pada minggu sebelumnya.

4. Objektif Pelan Strategik KKM dalam menangani Pandemik COVID-19 melalui sains, data dan kesihatan awal adalah untuk melandaikan keluk pandemik COVID-19 di Malaysia dalam tempoh kurang daripada 6 bulan agar kehidupan dan kelangsungan ekonomi dapat dipulihkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia. Antara tindakan yang telah diperkasakan ialah:

    i. Meningkatkan kapasiti sumber dalam melaksanakan aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan COVID-19. Meningkatkan pelaksanaan aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan COVID-19 secara komprehensif bagi mengawal penularan jangkitan COVID-19 di dalam komuniti.

    ii. Memperluaskan pelbagai program untuk melandaikan keluk COVID-19. Usaha ini merangkumi 12 perkara seperti dibawah:

iii. Putuskan rantaian transmisi.

iv. Mengurangkan morbiditi dan kematian.

v. Memperkukuhkan diagnostik dan survelan.

vi. Mencapai imuniti meluas.

vii. Meningkatkan kesedaran dan pembudayaan norma baharu.

viii. Memperkukuhkan sokongan kesihatan mental dan psikososial.

ix. Memperluaskan kerjasama multisektoral.

x. Mengkaji dan menambahbaik SOP dan peguatkuasaan, polisi dan ordinan yang berkaitan.

xi. Memperkasakan aspek sumber manusia, logsitik dan peralatan perubatan dan bukan perubatan yang berkaitan.

xii. Memperkukuhkan sokongan dari aspek sumber kewangan.

xiii. Pemantauan dan evaluasi yang berterusan.

xiv. Capaian yang lebih efektif melalui digitalisasi.

4.5.2 Strategi Pengujian Kebangsaan

1. Ujian makmal untuk mengesahkan diagnosis adalah komponen penting dan utama bagi keseluruhan strategi pencegahan dan kawalan berjangkit. Antara Strategi Pengujian Kebangsaan SARs-COV-2 dan kapasiti pendiagnosan adalah memperluaskan diagnosis SARs-COV-2, meningkatkan kapasiti dan keupayaan makmal, mengukuhkan program survelan makmal SARs-COV-2 dan meningkatkan pendigital pengurusan data.

4.5.3 Vaksinasi berterusan

1. Bagi status liputan imunisasi COVID-19 mengikut negeri bagi semua penduduk, seramai 26,125,290 (80 peratus) daripada 32,657,400.00 penduduk telah menerima vaksinasi lengkap pada 24 November 2021.

2. Bagi status liputan imunisasi COVID-19 mengikut negeri untuk penduduk dewasa 18 tahun ke atas, seramai 23,409,620 penduduk telah menerima vaksinasi lengkap pada 30 Oktober 2021.

3. Bagi status liputan imunisasi COVID-19 mengikut negeri untuk penduduk remaja 12 hingga 17 tahun, seramai 2,518,000.00 daripada 3,147,500.00 penduduk telah menerima vaksinasi lengkap pada 30 Disember 2021.

4. Strategi pelaksanaan untuk dos tambahan terdiri daripada dua kategori:

    i. Dos ketiga bertujuan untuk meningkatkan tahap imuniti dalam kalangan individual berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID-19, di mana dos kedua tidak mencukupi untuk meningkatkan tindak balas imuniti terhadapan jangkitan.

    ii. Dos penggalak atau *booster* diberikan kepada semua individu untuk meningkatkan tahap imuniti yang menurun dalam tempoh tertentu selepas dos lengkap. Pemberian dos ketiga bagi memenuhi keperluan regulatori contohnya visa umrah, pelajar dan petugas ke luar negara akan dilaksanakan bermula Oktober 2021.

5. Sasaran liputan vaksinasi ditingkatkan kepada 90 seratus daripada sasaran asal 80 peratus supaya lebih ramai penduduk mendapat perlindungan optimum.

6. Berdasarkan tinjauan KKM, faktor utama penolakan vaksin ialah berkaitan keselamatan dan keberkesanan vaksin. Perkongsian maklumat AEFI dan keberkesanan vaksin melalui GitHub dan COVIDNOW.

4.5.4 Peralihan fasa pandemik ke fasa endemik.

1. Kini negara dalam proses persediaan kepada peralihan status COVID-19 daripada pandemik kepada endemik. Di peringkat pandemik COVID-19, program-program pemulihan dilaksanakan dengan melonggarkan sekatan sosial dan ekonomi. Bagi tujuan itu, SOP disemak semula dan dipermudahkan. Langkah persediaan kepada peralihan kepada endemik, sekatan sosial dan ekonomi dikurangkan.

